

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA**

**KERTAS KERJA  
RANCANGAN PERNIAGAAN  
ASAS KEUSAHAWANAN  
(ETR 300)**

***SYNERGY POINT***

**DISEDIAKAN UNTUK :  
PUAN SAFORAH ABDUL RAHMAN  
PENSYARAH ETR 300**

**DISEDIAKAN OLEH :  
AMELIA SAZRINA ISHAK 94934668  
NURUL AZHA MOKMIN 94559216  
LILI HASLIYAH HASSIM 94567216  
NORAZMA ABAS 94512969**

**DIPLOMA PERAKAUNAN  
SEMESTER 05  
APRIL 1997**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 17hb. JFebruari 1997  
Surat Tuan: Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Surat Kami: 100-CM(AKA 30/7B) Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 06-5591067

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma Perakaunan. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan bagi memenuhi syarat matapelajaran mereka.


| <u>Bil</u> | <u>Nama Pelajar</u>  | <u>No. K/P ITM</u> |
|------------|----------------------|--------------------|
| 1.         | Nurul Azha Mokmin    | 94559216           |
| 2.         | Amelia Sazrina Ishak | 94934668           |
| 3.         | Lili Hasliyah Hassim | 94567216           |
| 4.         | Norazma Abas         | 94512969           |

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

  
**ABD RAZAK MD JAIS**  
Ketua Kursus DIA  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

**Surat Penyerahan Laporan**

**Diploma Perakaunan  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
Km.26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka**

**12 April 1997**

**Puan Saforah Abdul Rahman  
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR)  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
Km. 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka**


**PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

**Merujuk kepada perkara di atas, maka kami dengan ini menyerahkan Rancangan Perniagaan yang telah kami sempurnakan sebagaimana diarahkan oleh pihak puan.**

**Selaras dengan apa yang telah diarahkan, kami telah bersetuju untuk memilih perniagaan secara berkongsian yang menjalankan perkhidmatan gimnasium dan aerobik.**

**Perniagaan ini telah kami namakan sebagai SYNERGY POINT. Kami berharap pihak puan akan berpuashati dengan hasil usaha kami. Segala kerjasama dan perhatian pihak puan terhadap Rancangan Perniagaan ini, kami dahului dengan ucapan terima kasih.**

**Yang menjalankan tugas,**



---

**NURUL AZHA BT MOKMIN  
94559216**




---

**AMELIA SAZRINA BT ISHAK  
94934668**



---

**LILI HASLIYAH BT HASSIM  
94567216**



---

**NORAZMA BT ABAS  
94512969**

## **1.0 PENGENALAN**

**Kecergasan mental dan fizikal merupakan aspek yang penting untuk mencapai cara hidup yang sihat. Selaras dengan arus kemodenan masa kini, setiap golongan masyarakat tidak harus memandang ringan dalam hal ini. Oleh itu, bersesuaian dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang sempurna dari segi rohani dan jasmani, maka kami telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan perniagaan yang berkonsepkan kecergasan.**

**Perniagaan kami menampilkan perkhidmatan gimnasium dan aerobik. Kami menyediakan khidmat instruktur dan mengendalikan kelas aerobik serta gimnasium setiap hari. Kemudahan untuk menyewa ruang aerobik juga disediakan bagi pelanggan-pelanggan kami. Dengan adanya perkhidmatan yang dijalankan ini, ia akan dapat mendorong kaum Bumiputera ke arah kemajuan serta sama-sama bersaing dalam apa jua bidang perniagaan demi meningkatkan taraf hidup.**

**Kami berkeyakinan bahawa perniagaan ini berpotensi untuk maju dan berkembang memandangkan masyarakat kini semakin prihatin terhadap pentingnya kesihatan dalam kehidupan mereka. Di samping itu, kepercayaan dan keyakinan yang ditunjukkan oleh orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan ini membuktikan bahawa perniagaan yang dikendalikan oleh kaum Bumiputera mampu memberi perkhidmatan yang berkualiti setanding dengan perkhidmatan kecergasan yang lain.**